

**PKR persoal kontrak jutaan ringgit MIC kepada syarikat krooni  
Malaysian Insider  
24 Julai, 2012  
Oleh Nomy Nozwir**

PETALING JAYA, 24 Julai — Parti Keadilan Rakyat (PKR) hari ini mempersoalkan kontrak yang dianugerahkan kepada Jaya Cafe Sdn Bhd — syarikat yang dimiliki oleh Bendahari Pemuda MIC, J Dhinakaran sebagai kafetaria di Asian Institute of Medicine, Science and Technology (AIMST).

Menurut setiausaha strategi dan polisi PKR, S Gobikrishnan, Dhinakaran yang merupakan Ketua Pemuda MIC Pulau Pinang memiliki syarikat Jaya Cafe Holdings Sdn Bhd telah dianugerahkan kontrak dua hari selepas beliau dilantik sebagai Pengarah syarikat tersebut.

“Mana mungkin sebuah syarikat yang Pengarahnya baru dilantik pada 3 Januari 2007, mendapat kontrak pada 5 Januari 2007.

“Ini adalah tender tertutup dan penyelewengan dalam AIMST,” kata Gobikrishnan dalam sidang media di ibu pejabat PKR hari ini.

Kafetaria sebelum ini bernilai sebanyak RM10 juta setahun, yang dijalankan oleh AIMST sendiri.

Sehingga 31 Disember 2006, AIMST telah menguruskan kafetaria untuk staf dan pelajarinya sendiri dengan mencatat pendapatan sebanyak RM3.2 juta pada tahun 2006.

Kemudiannya perkhidmatan ini ditamatkan dan kontrak diberikan kepada Jaya Cafe tanpa tender terbuka pada 5 Januari 2007.

Jaya Cafe dimiliki oleh Dhinakaran bersama adiknya dan dua rakan yang lain.

Jaya Cafe mencatat RM20.4 juta pendapatannya dalam tahun 2007, 2008 dan 2009 dimana AIMST telah mengalami kerugian pada tahun-tahun tersebut.

Jaya Cafe juga, menurut kontrak telah dibenarkan untuk menyewa kawasan seluas 1,224 kaki persegi, namun semakan mendapati mereka telah mendapat kawasan seluas 8,652 kaki persegi tetapi hanya membayar sewa bagi 1,224 kaki persegi sahaja.

“Pada 2007, 2008 dan 2009 mereka hanya membayar sebanyak RM151,470 sahaja sedangkan mereka sepatutnya membayar RM1,019,079 menyebabkan AIMST kerugian sebanyak RM867,609 dalam bentuk sewa dalam tiga tahun tersebut.

“Lebih memmeranjatkan lagi, Jaya Cafe telah dibayar lebih sebanyak RM498,185 untuk perkhidmatan kafetaria tersebut pada tahun 2007 dan 2008,” kata Gobikrishnan pada sidang media pada pagi ini.

“Kenapa kontrak jutaan ringgit ini ditawarkan tanpa kontrak terbuka? Ini kerana AIMST dibina dari geran yang diberikan oleh kerajaan.

“Bermakna ini adalah penyelewengan wang rakyat,” kata Gobikrishnan lagi.

Dia juga memberitahu juru audit bebas yang dilantik oleh MIC juga mempersoalkan tindakan AIMST, yang dimiliki oleh MIC, melantik pihak ketiga dan terus menerus menghadapi kerugian.

Juru audit itu juga menyarankan agar Maju Institute Educational Development (MIED) melalui MIED Capital Sdn Bhd, syarikat yang dimiliki MIC agar mengambil alih kafetaria itu dari Jaya Cafe.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-persoal-kontrak-jutaan-ringgit-mic-kepada-syarikat-kroni/>

